

MAHATHIR-CARCOSA R'R'R'

(1)

84

(P)

KUALA LUMPUR, 12 MEI (BERNAMA) -- BRITAIN TELAH BERSETUJU UNTUK MENYERAHKAN KEMBALI CARCOSA - KEDIAMAN RASMI PESURUHJAYA TINGGINYA DI MALAYSIA, DEMIKIAN DI UMMUKAN OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PENYERAHAN SEMULA BANGUNAN YANG TERLETAK DI ATAS SEBUAH BUKIT BERTAMPAH TAMPAN TASIK PEROANA AKAN DILAKUKAN SEBAIK SAHAJA + PERKARA-PERKARA KECIL+ DISELESAIKAN.

+ SAYA MENSIFATKAN ISU CARCOSA SEBAGAI SELESAI SEKARANG SETELAH KERAJAAN BRITISH BERSETUJU MENYERAHKANNYA KEMBALI KEPADA KERAJAAN+, KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS HEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO.

KATANYA KERAJAAN TELAH MENGENAL PASTI SEBIDANG TANAH UNTUK KEDIAMAN PESURUHJAYA TINGGI BRITISH SEBAGAI MENGGANTIKAN CARCOSA DAN PIHAK BRITISH TELAH MENERIMANYA.

ADALAH DIPERCAYAI TANAH BERKENAAN TERLETAK DI JALAN AMPANG KAWASAN KEDIAMAN KEBANYAKAN PARA DIPLOMAT.

-LAGI 1708/AN

MAHATHIR-CARCOSA 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN ENGGAN MENGULAS LEBIH LANJUT SAMBIL BERKATA +ANDA MEMBUAT TEKAAN YANG BAIK+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK BOLEH MEMBAYAR SEBARANG GANTIRUGI KEPADA BRITAIN KERANA MEMILIK SEMULA CARCOSA DAN JUGA MENGADAKAN SEBUAH RUMAH UNTUK PESURUHJAYA TINGGI BRITISH.

+MEREKA TIDAK MENDAPAT SEBARANG GANTIRUGI DAN KITA TIDAK MEMBERI SEBUAH RUMAH... CUMA TANAH,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MENJADIKAN CARCOSA SEBAGAI RUMAH TETAMU NEGARA UNTUK ORANG-ORANG KENAMAAN DARI LUAR NEGERI.

+RAMAI TETAMU DARI LUAR NEGERI YANG DATANG KE SINI DAN MALANGNYA KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA TERPAKSA MENGINAP DI HOTEL-HOTEL KERANA KURANG RUMAH TETAMU UNTUK MEREKA MENGINAP+, KATA PEROANA MENTERI KETIKA MENJAWAB PERTANYAAN KENAPAKERAJAAN MEMUTUSKAN UNTUK MENJADIKAN CARCOSA RUMAH TETAMU.

ISU CARCOSA TELAH MENIMBULKAN BERBAGAI REAKSI SETELAW KETUETUA PEMUDA UMNO, ENCIKANWARIBRAHIM MENGHIDUPKAN SEMULA SERUAN SUPAYA KERAJAAN MENGAMBIL BALIK CARCOSA, SERUAN ITU MULA DIBUAT DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO TAHUN 1982.

CARCOSA DISERAHKAN KEPADA KERAJAAN BRITISH QALAM TAHUN 1956 OLEH PEROANA MENTERI KETIKA ITU, TUNKU ABDUL RAHMAN, SEBAGAI LAMBANG PERSAHABATAN DAN MUHIBBAH.

--BERNAMA 1714/AN